Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Vol.14 (2),122 - 136, 2026
Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

Pendekatan Pengurusan Sastera Dalam Landskap Kesusasteraan Kontemporari: Analisis Terhadap Novel *Ibuku Srinkandi*

Literary Management Approach in Contemporary Literary Landscape: An Analysis of The Novel Ibuku Srikandi

Fathin Noor Ain Ramli
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia, Malaysia
fathin.noor@uum.edu.my

*Azhar Wahid**
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
azhar@fbk.upsi.edu.my

**Corresponding Author*

Cite this article (APA) as:

Ramli, F. A., & Wahid, A. (2026). Pendekatan Pengurusan Sastera Dalam Landskap Kesusasteraan Kontemporari: Analisis Terhadap Novel Ibuku Srinkandi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, *14*(2), 122-136. Retrieved from https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/229

ABTSRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip kepimpinan yang dipamerkan melalui watak Ibu di dalam novel Ibuku Srikandi karya Muhd Mansur Abdullah. Pendekatan Pengurusan Sastera, khususnya Prinsip Kepimpinan gagasan Profesor Mohamad Mokhtar Abu Hassan, digunakan sebagai landasan metodologi. Prinsip kepimpinan ini merangkumi empat dimensi utama: Dimensi Pentadbiran, Dimensi Pendidikan, Dimensi Tanggungjawab Sosial, dan Dimensi Ekonomi. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks kandungan (content analysis) terhadap novel tersebut bagi merungkai aspek kepimpinan watak Ibu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa watak Ibu merupakan model kepimpinan holistik yang menggabungkan keempat-empat dimensi tersebut. Bagi Dimensi Pentadbiran, beliau bijak mentadbir, berpandangan jauh, dan mengutamakan kesejahteraan keluarga dengan gaya kepimpinan yang toleransi (demokratik). Dalam Dimensi Tanggungjawab Sosial dan Pendidikan, beliau menzahirkan kepimpinan transformasional dengan mengasuh melalui teladan, memberikan bimbingan moral, dan membentuk keperibadian unggul, sekali gus berfungsi sebagai guru kehidupan. Sementara itu, dalam Dimensi Ekonomi, beliau memperlihatkan kepimpinan berasaskan daya juang (resilient leadership) dengan kebijaksanaan mengurus sumber terhad untuk kelangsungan hidup tanpa mengorbankan nilai diri. Kesimpulannya, kepimpinan watak Ibu dalam Ibuku Srikandi membuktikan bahawa sastera mampu berfungsi sebagai medium pendidikan kepimpinan insaniah, menonjolkan pemimpin yang cekap mengurus, luhur dalam budi, dan adil dalam tindakan. Beliau dilambangkan sebagai Srikandi yang mengangkat maruah insan melalui pengorbanan, kasih, dan hikmah.
Kata Kunci: Pengurusan sastera, kepimpinan, pentadbiran, tanggungjawab sosial, pendidikan dan ekonomi.

ABSTRACT

This study aims to analyze the principles of leadership demonstrated through the character of Mother in the novel Ibuku Srikandi by Muhd Mansur Abdullah. The approach of Literary Management,

speciafically the Leadership Principles framework by Professor Mohamad Mokhtar Abu Hassan, is used as the methodological foundation. These leadership principles encompass four main dimensions: the Administrative Dimension, the Educational Dimension, the Social Responsibility Dimension, and the Economic Dimension. This qualitative study employs a library method and content analysis of the novel to uncover the leadership aspects of the mother character. The findings show that the mother character is a holistic leadership model that integrates all four dimensions. In the Administrative Dimension, she is wise in administration, possesses foresight, and prioritizes family welfare with a tolerant (democratic) leadership style. In the Social Responsibility and Educational Dimensions, she exhibits transformational leadership by nurturing through example, providing moral guidance, and forming excellent personality, thus functioning as a life teacher. Meanwhile, in the Economic Dimension, she demonstrates resilient leadership by skillfully managing limited resources for the family's survival without sacrificing self-worth. In conclusion, the leadership of the mother character in Ibuku Srikandi proves that literature can serve as a medium for humanistic leadership education, highlighting a leader who is competent in management, noble in character, and just in action. She is symbolized as a Srikandi who elevates human dignity through sacrifice, love, and wisdom.
Keyword: Literary Management, Leadership, Administration, Social Responsibility, education and economy

PENGENALAN

Pengurusan amat penting bagi memastikan segala gerak kerja, pembentukan serta perlaksanaan sesebuah rancangan, struktur organisasi yang terbentuk adalah berada pada landasan sepatutnya sebagaimana yang diinginkan. Pengurusan juga dapat memastikan dan memperlihatkan susun atur sesuatu perkara atau tindakan yang dirancang dan dibentuk adalah secara tertib. Secara umumnya, pengurusan dapat dikatakan sebagai proses bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat dengan cara yang berkesan dan cekap. Pandangan oleh Robbins dan Decenzo (2001) pula menjelaskan bahawa bidang pengurusan adalah merupakan suatu proses yang menyempurnakan sesuatu tugas dengan cekap dan berkesan melalui individu yang lain. Seterusnya, Dessler (2001) mengutarakan bahawa konsep pengurusan adalah melibatkan dua dimensi iaitu dimensi pertama ialah menggambarkan pengurus dalam organisasi dan dimensi kedua ialah melihat apakah tindakan yang dilakukan oleh pengurus. Bagi pelopor dalam bidang pengurusan seperti Mary Parker Follet pula menjelaskan bahawa pengurusan adalah merupakan seni dalam melakukan perkara-perkara tertentu melalui individu-individu yang lain (Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul, 2003). Beliau sebenarnya telah bersependapat bersama Robbins dan Decenzo (2001) dalam menjelaskan konsep pengurusan kepada umum. Pengurus selaku ketua akan berusaha memenuhi matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh organisasi dengan menguruskan individu-individu yang lain bagi melakukan tindakan yang sewajarnya untuk mencapai matlamat tersebut tanpa mereka sendiri melakukannya.

Pengenalan pendekatan pengurusan di dalam bidang kesusasteraan Melayu di tanah air oleh Profesor Mohammad Mokhtar Abu Hassan membuktikan bahawa disiplin ini amat bersesuaian dalam bidang kritikan sastera moden. Beliau telah membentangkan pendekatan baru ini sebagai salah satu metod baru dalam penelitian sastera ketika menghadiri Seminar Himpunan Ilmuwan Sasterawan Melayu (HISMA) pada tahun 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui kertas kerjanya yang bertajuk “Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Dunia Kritikan” (Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan, 2017). Pendekatan ini telah mengenengahkan lima prinsip-prinsip asas pengurusan iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan Dan Prinsip Pengawalan. Kelima-lima prinsip ini diterapkan bagi menganalisis struktur teks sesebuah karya meliputi watak, perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar dan juga pemikiran yang dibawa oleh pengarang di dalam karya mereka.

Fungsi pengurusan pertama adalah langkah asas bagi menggerakkan sesebuah matlamat yang telah ditetapkan oleh seseorang individu dan organisasi. Menurut Robbins dan Coulter (1999) telah melihat perancangan dengan lebih menyeluruh iaitu sebagai proses yang melibatkan penakrifan objektif dan matlamat organisasi, menwujudkan keseluruhan untuk mencapai matlamat-matlamat ini

ISBN:2637-126X

dan membangunkan rancangan yang menyeluruh untuk menyelaras dan mengintegrasikan semua aktiviti dalam organisasi. Proses ini boleh dikatakan adalah proses formal atau tidak formal. Setiap ahli di dalam organisasi sama ada organisasi masyarakat dan organisasi syarikat adalah terlibat bagi memastikan penetapan matlamat yang dilakukan dapat dicapai. Bagi perancangan yang dikategorikan sebagai formal, perancangan tersebut akan didokumenkan manakala bagi perancangan yang tidak formal pula melibatkan tidak melibatkan dokumen bertulis. Sebagai contohnya, perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia setiap lima tahun iaitu Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya.

Seterusnya adalah merupakan proses pengorganisasian yang memanfaatkan sepenuhnya sumber-sumber yang dimiliki di dalam sesebuah organisasi atau individu seperti manusia, kewangan dan aset. Bagi Jaafar Muhamad (2003), pengorganisasian adalah penyusunan sumber-sumber organisasi tersebut dalam bentuk kesatuan dengan cara yang berkesan agar matlamat dan objektif organisasi yang dirancang dapat dicapai. Proses kedua dalam disiplin pengurusan ini sangat penting bagi menghubungkan penetapan matlamat yang diletakkan dalam proses perancangan bersama dengan pemikiran bagi menuntukan kaedah atau langkah yang harus diambil bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Antara proses-proses pengorganisasian adalah menentukan kerja-kerja yang dilakukan, mengumpulkan kerja atau tugas yang disenaraikan ke dalam aktiviti yang sesuai, membahagi dan menguntukkan keseluruhan tugas kepada pekerja yang sesuai manakala terakhirnya adalah mengadakan mekanisme bagi menyelaraskan kerja-kerja staf organisasi dalam bentuk kesatuan dan pengendalian yang berkesan (Jaafar Muhamad, 2003).

Kepimpinan pula adalah fasa keempat di dalam disiplin pengurusan yang banyak merujuk kepada keperibadian bagi individu sama ada individu tersebut adalah merupakan pengurus atau pekerja. Harold Koontz dan Heinza Wiehrich (1992) mendefinasikan kepimpinan sebagai pengaruh, seni atau proses mempengaruhi orang supaya mereka akan berjuang dengan rela hati dan penuh semangat ke arah pencapaian matlamat kumpulan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa setiap anggota kumpulan atau masyarakat perlu memupuk kesediaan untuk bekerja dengan penuh semangat dan yakin dalam diri mereka. Bagi memastikan keberkesanan di dalam kepimpinan, kecekapan pemimpin dan kepatuhan daripada pekerja dapat memastikan kerjasama dan kesinambungan di dalam organisasi bagi mencapai matlamat. Keupayaan seseorang individu untuk memimpin sesebuah organisasi atau diri mereka sendiri adalah dengan sumber kuasa berikut iaitu kuasa yang sah diperolehi daripada kedudukan rasmi mereka, kuasa ganjaran, kuasa paksaan, kuasa kepakaran, kuasa rujukan, kuasa maklumat dan kuasa karismatik.

Pengawalan pula merupakan proses atau prinsip yang terakhir melengkapi aspek pengurusan. Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2003) menyatakan bahawa pengawalan adalah proses mengukur kemajuan terhadap prestasi selari dan selaras dengan objektif pengurus. Langkah pengawalan adalah sangat penting bagi memastikan kesemua pekerja atau individu di dalam organisasi melaksanakan tanggungjawab yang dipikul, menyelesaikan dan memperbetulkan masalah yang berbangkit, menggalakkan kreativiti, mempertingkatkan kualiti serta mampu mengurangkan kos organisasi. Sesebuah organisasi akan dikatakan tidak mampu dikawal apabila mereka terlebih yakin, menyalahkan pihak lain, mengelakkan sesuatu, optimis yang membuta, menetapkan contoh yang lemah, keterasingan dan memberikan sebab yang sama seperti sebelumnya.

Ketika membentang metod pendekatan moden ini, Mohammad Mokhtar Abu Hassan telah mengambil beberapa cerita sastera rakyat iaitu Sang Kancil dan Buaya, Lebai Malang serta Di Sebalik Tirai Makna sebagai batasan kajian untuk mengaplikasikan pendekatan yang diperkenalkan. Berdasarkan dapatan dan analisis yang dijalankan oleh beliau, kelima-lima prinsip yang terdapat dalam pengurusan sastera sememangnya sangat bersesuaian bagi meneliti teks-teks sastera. Mengaplikasikan disiplin pengurusan dalam bidang sastera di tanah air dilihat mampu memberikan kesan positif apabila satu pemikiran aliran baru dapat memberikan kelainan dan memeriahkan lagi penelitian terhadap karya-karya sastera pada masa yang akan datang. Walaupun medium sastera bersilih ganti, iaitu bermula daripada tradisi lisan kepada tradisi tulisan dan kini kepada medium alternatif, namun aspek pengurusan seharusnya tidak terpinggir dan perlu diberi perhatian dan diberikan keutamaan (Mohamad Zubir Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Hassan, 2015).

Prinsip Kepimpinan dalam Pengurusan

Mengikut Kamus Dewan (2005), kepimpinan membawa erti keupayaan (kebolehan, pencapaian dan sebagainya) sebagai pemimpin. Merujuk kepada kajian ini kepemimpinan merupakan tingkah laku pemimpin bagi mencari penyelesaian masalah dan mencari jalan untuk melaksanakan sesuatu program atau tugasan yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi. Menurut Ainon (2005), kepimpinan ialah sejenis tingkah laku yang bertujuan mempengaruhi individu-individu lain supaya mereka sanggup dan secara sukarela melakukan apa yang dikehendaki oleh individu yang memimpin. Kepimpinan ialah perkataan terbitan daripada 'pimpin'. Pimpin bererti bimbing, pandu atau tunjuk. Memimpin diberi erti sebagai memegang tangan dan membawa berjalan menuju ke sesuatu tempat. Kepimpinan membawa erti keupayaan memimpin dan kepemimpinan pula keupayaan sebagai pemimpin atau daya seseorang pemimpin (Kamus Dewan, 1998).

Kepimpinan menurut Nik Rashid (1993) akan melibatkan penggunaan pengaruh, komunikasi dan matlamat. Kepimpinan ialah satu percubaan untuk pengaruh-mempengaruhi antara peribadi, yang diarahkan melalui proses komunikasi, menuju pencapaian satu matlamat atau beberapa matlamat. Kepimpinan juga ditakrifkan sebagai aktiviti mempengaruhi individu supaya berusaha secara sukarela untuk mencapai objektif sesuatu kumpulan (Jaafar, 1996). Bagi sudut pandangan Islam, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa setiap orang itu adalah pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan di atas segala kepimpinannya. Kepimpinan dalam Islam merupakan satu amanah. Ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوٓا۟ أَتَجْعَلُ
فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ
لَكَ ۖ قَالَ إِنِّيٓ أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾ [1]

"(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di atas muka bumi. Maka jawab mereka: Adakah patut Engkau menjadikan di atas muka bumi orang yang berbuat bencana dan menumpahkan darah sedangkan kami bertasbih memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Allah berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui apa-apa yang tidak kamu mengetahui."

(Al-Quran, *al-Baqarah*:30)

Konsep Khalifah dalam ayat di atas memberi maksud kepimpinan dalam bentuk yang sangat meluas. Ia merupakan satu pertanggungjawaban yang akan dihitung pada akhirat kelak. Dalam pengurusan Islam, kepimpinan dianggap sebagai pembolehubah yang asasi dalam usaha meletakkan organisasi pengurusan di tempat utama, di samping mendorong para pekerja untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sebaik-baiknya. (Ahmad, 1991).

Kepimpinan adalah satu proses di mana seseorang individu tersebut berupaya untuk mempengaruhi orang di sekelilingnya. Orang yang dipimpin pula dengan rela mengikuti atau secara suka rela untuk bersama-sama ke arah mencapai sesuatu matlamat yang sama. Kepimpinan juga dikatakan sebagai seni atau proses mempengaruhi kegiatan manusia yang berkaitan dengan tugas mereka, agar mereka rela bergiat dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2022). Dalam aspek kepimpinan, sudah tentu ada individu yang berperanan sebagai pemimpin yang mengetuai sekelompok manusia. Individu yang berupaya mempengaruhi orang lain tanpa perlu memaksa akan menjadi seorang pemimpin yang baik. Seorang pemimpin yang baik bukan memaksa kumpulannya untuk maju ke hadapan tetapi selaku ketua mereka perlu meletakkan diri mereka di tempat orang bawahannya agar kepimpinan yang diterajui tidak menjadi satu isu dalam organisasinya nanti.

ISBN:2637-126X

Dalam konteks kepimpinan terdapat tiga pecahan jenis gaya kepimpinan yang menjadi dasar dalam memimpin iaitu yang pertama autokratik. Gaya kepimpinan gaya ini menuntut anggotanya untuk menurut perintah atau arahan pemimpin, dengan kata lainnya anggota stafnya tidak boleh mengingkari dan harus mengikuti arahan tersebut tanpa ada bantahan. Seterusnya, gaya kepimpinan yang kedua adalah demokratik, gaya kepimpinan bersifat toleransi yang mana pemimpin tidak memaksa atau melarang anggota stafnya untuk berbuat sesuatu malah gaya kepimpinan ini lebih terbuka untuk menerima segala cadangan atau penyertaan dari anggotanya. Gaya ini bersifat neutral dan tidak memberatkan keputusan dengan syarat keputusan yang dipersetujui bersama mampu membawa ke arah matlamat yang hendak dituju. Gaya kepimpinan yang terakhir adalah *laissez-faire,* gaya ini pula menjurus kepada kebebasan anggota staf untuk membuat keputusan. Pemimpin memberi kepercayaan yang penuh kepada anggotanya untuk mengendalikan kerja berlandaskan kemahuan mereka. Gaya kepimpinan ini adalah gaya pemimpin yang kurang menggunakan kuasanya sebagai ketua dalam sesebuah organisasi. Walau bagaimanapun, setiap gaya kepimpinan sudah pasti mempunyai kebaikan dan keburukkannya, bergantung pada pemimpin itu sendiri bagaimana untuk mengelola organisasinya agar dapat mencapai matlamat yang disasarkan.

KAJIAN LITERATUR

Beberapa kajian sebenarnya telah dilakukan oleh sarjana dengan menjadikan prinsip kepimpinan dalam Pengurusan Sastera sebagai metod landasan kajian. Sebagaimana yang dilakukan oleh Mohamed Zubir, Sara Beden dan Mohamed Mokhtar Hassan (2014) dengan tajuk 'Prinsip Kepimpinan: Analisis Berdasarkan Hikayat Awang Sulung Merah Muda'. Empat dimensi dalam prinsip kepimpinan iaitu Dimensi Pentadbiran, Dimensi Pendidikan, Dimensi Tanggungjawab Sosial dan Dimensi Ekonomi telah diteliti dengan sebaiknya. Penelitian yang dilakukan ini telah mendapati bahawa pengukuhan terhadap ketaatan dan kesetiaan dalam karya tersebut memainkan peranan yang amat penting bagi watak utama dan juga watak pembantu.

Seterusnya adalah kajian oleh sarjana yang sama iaitu Mohamad Zuber bin Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2015 dengan kajian bertajuk Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan yang mengfokuskan kepada prinsip kepimpinan. Tujuan kajian ini adalah bagi menganalisis Prinsip Kepimpinan yang digunakan dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Kajian ini adalah kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Dapatan kajian mendapati bahawa Prinsip Kepimpinan dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda adalah amat signifikan untuk menggambarkan pengurusan kepimpinan yang menyerlahkan dasar dan mekanisme pentadbiran yang berwawasan dan berpandangan jauh, berjiwa rakyat, kebijaksanaan dan kesantunan berkomunikasi dan bersemangat waja. Secara tuntasnya, prinsip kepimpinan yang dipaparkan dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda ini dapat menonjolkan aspek pengurusan dalam teks karya sastera tradisional.

Saravanan P. Veeramuthu (2019) dalam kajiannya kajian yang bertajuk Kepemimpinan Dalam Novel Perang Sangkil: Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan melihat sejauhmanakah pendekatan pengurusan menonjol dalam Novel Perang Sangkil. Tumpuan diberikan kepada Prinsip Kepimpinan iaitu dimensi pentadbiran yang diselami melalui beberapa struktur teks iaitu watak dan perwatakan Dirik yang terdapat di dalam novel. Dalam menjalankan kajian ini, kaedah analisis teks telah digunakan. Fokus telah diberikan kepada beberapa peristiwa penting iaitu bagaimana watak pemimpin dalam memperlihatkan ciri-ciri karismatik dalam novel ini merancang serta memberikan reaksi kepada penyeksaan serta menghadapi keterpaksaan masyarakatnya. Hasil dapatan kajian ini telah mendapati bahawa watak Dirik telah mengaplikasikan pengurusan sebagai wahana dan mekanisme yang bijak dan berpandangan jauh. Selain itu, watak Dirik juga telah menggunakan disiplin pengurusan sebagai wahana dan mekanisme yang bijak dan berpandangan jauh. Pendekatan pengurusan juga telah memperlihatkan kemampuan dan keupayaan Dirik sebagai pemimpin yang berkeupayaan dalam mempengaruhi, menerajui dan mengendalikan masyarakat. Dapat disimpulkan juga, kajian ini menunjukkan penulis telah mencipta watak Dirik dengan begitu baik dan ideal. Sifat kepimpinan yang matang dalam watak Dirik membantu masyarakatnya mengharungi cabaran dan serangan yang menghancurkan masyarakat orang asli sekitar tahun era 1890-an.

Menerusi kajian yang telah dilakukan oleh Sara Beden (2022) yang bertajuk Kepemimpinan Melayu dalam Prosa Tradisional dari Perspektif Prinsip Kepimpinan Pendekatan Pengurusan pula meneliti budaya kepimpinan yang diamalkan oleh pemimpin Melayu Melaka dalam prosa tradisional "Burung Terbang Dipipiskan Lada dalam Antologi Sejadah Rindu berlandaskan Prinsip Kepimpinan dalam metod Pengurusan Sastera. Kajian yang dilakukan melalui kaedah kepustakaan dan kualitatif ini telah menganalisis teks menerusi tindakan watak dan peristiwa-peristiwa penting di dalam plot penceritaan. Hasil dapatan telah menemukan bahawa pengaplikasian dimensi pentadbiran dalam Prinsip Kepimpinan iaitu melalui penerapan dasar yang dipraktiskan oleh Pemimpin Melayu Melaka dalam memastikan kepimpinan mereka mendapat tempat di hati rakyat di samping mengukuhkan pengaruh kerajaan. Antara empat dasar terbabit adalah dasar pentadbiran bijaksana, dasar pentadbiran berjiwa rakyat, dasar pentadbiran berwawasan dan dasar pentadbiran bersemangat waja. Maka, dapat disimpulkan melalui kajian ini bahawa dimensi pentadbiran dalam Pendekatan Pengurusan yang diaplikasikan sebagai landasan analisis dapat menonjolkan budaya kepimpinan Melayu Melaka dengan rinci pada zaman terdahulu dalam sastera tradisional.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks kandungan *(content analysis).* A. Halim Ali (2019) menyebutkan kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain.Kaedah ini akan mengumpul dan menganalisis data iaitu isi kandungan teks Novel Ibuku Srikandi terbitan Dewan Persuratan Melayu Pahang pada tahun 2023 karya Muhd Mansur Abdullah atau nama sebenar beliau ialah Dato' Prof Emeritus Dr. Hj. Mohamed Mansor @ Ismail Bin Abdullah. Watak dan perwatakan tonggak utama iaitu watak Ibu dalam novel ini akan diteliti dalam merungkai aspek kepimpinan yang terdapat di dalam novel. Bagi menjalankan kajian ini, Pendekatan Pengurusan iaitu Prinsip Kepimpinan gagasan Profesor Mokhtar Abu Hasan telah digunakan sebagai landasan. Pembacaan terhadap novel dilakukan berulang kali bagi memahami dan mengesan unsur kepimpinan yang telah ditonjolkan oleh pengarang melalui watak Ibu di dalam plot penceritaan. Data-data ini kemudiannya ditanda dan diterjemahkan di dalam bentuk jadual ringkas untuk memudahkan proses analisis data terhadap dapatan yang diperolehi, juga memperkukuhkan perbincangan dan menghasilkan kesimpulan yang sewajarnya terhadap penelitian yang dilakukan ini. Empat dimensi dalam Prinsip Kepimpinan, iaitu Dimensi Pentadbiran, Dimensi Pendidikan, Dimensi Tanggungjawab sosial dan Dimensi Ekonomi. Setiap prinsip ini dapat diteliti berdasarkan tiga bahagian, iaitu apakah dasar dan polisi yang dibentuk oleh pemimpin dalam sesebuah pentadbiran. Kedua, bagaimanakah dasar dan polisi tersebut diaplikasi dan diimplementasi oleh pemimpin dan ketiga sejauh manakah dasar dan polisi tersebut membawa kejayaan dalam sesebuah pentadbiran. Analisis terhadap teks ini menumpukan kepada struktur teks seperti peristiwa, tema, isu-isu dan watak yang melatari prosa tradisional ini.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Watak Utama Sebagai Pemimpin dalam Karya Ibuku Srikandi

Ketika mengolah dan membina plot penceritaan karya, tidak kira sama ada novel ataupun cerpen, setiap pengarang sudah pasti akan membina satu sosok watak yang menjadi titik tumpuan untuk diketengahkan oleh pembaca. Watak utama ini akan memberikan kesan yang dominan kepada plot sesebuah karya. Secara amnya setiap karya mempunyai pelbagai jenis watak yang terdiri kepada pembahagian kategori utama iaitu watak utama dan watak sampingan. Watak utama ialah merupakan penggerak utama dalam cerita. Pengarang banyak menumpukan penceritaan mereka terhadap watak utama kerana watak ini adalah merupkan focus utama bagi mereka dalam menggerakkan jalan cerita. Watak utama yang diketengahkan juga boleh membawa sisi protagonis (watak yang menonjolkan ciri-ciri yang baik dan positif) atau antagonis (watak yang menonjolkan ciri-ciri yang tidak baik dan negatif). Watak antagonis sering kali membawa kepada konflik-konflik tertentu di dalam plot penceritaan pengarang.

Novel *Ibuku Srikandi* adalah sebuah novel ini mengisahkan hubungan penuh kasih dan pengorbanan antara anak dan seorang ibu yang digambarkan sebagai "Srikandi" yang merupakan seorang wanita berani, teguh dan penuh prinsip. Melalui kilas-balik dan episod kehidupan seharian, pembaca dibawa menyaksikan perjuangan ibu menempuh kesukaran sosial dan keluarga, mempertahankan maruah dan harapan anak-anak dalam segala keterbatasan. Konflik batin, pilihan sulit dan nilai-nilai tradisi bersemuka dengan tuntutan zaman telah menghasilkan satu cerita tentang kekuatan gender, contoh kepimpinan dalam keluarga, dan makna sebenar keberanian. Akhirnya, novel menegaskan bahawa wira sebenar tidak semestinya memakai senjata, tetapi berdiri teguh demi kasih sayang, keadilan dan masa depan generasi seterusnya. Judul "*Ibuku Srikandi"* membayangkan bahawa ibu dalam cerita ini dipaparkan sebagai figura wira ("Srikandi") iaitu seseorang yang berani, kuat, tegas, penuh kasih sayang, sanggup mengorbankan kepentingan diri demi anak-anak atau keluarga. Novel sebegini dapat mengimbangi emosi ("cerita hati/keluarga") dan nilai moral misalnya kepentingan kasih ibu, kesabaran ibu, atau penghormatan kepada ibu.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, sebuah senarai semak telah dilakukan bagi mengenal pasti dimensi dalam Prinsip Kepimpinan yang telah dikenal pasti telah dikesan melalui watak Ibu di dalam novel ini. Secara ringkasnya, senarai semak diwakili melalui Jadual 1 di bawah;

Jadual 1: Senarai Semak Dimensi dalam Prinsip Kepimpinan melalui Watak Ibu

Dimensi Prinsip Kepimpinan	**Keterlibatan oleh Watak Ibu**
Dimensi Pentadbiran	/
Dimensi Tanggungjawab Sosial	/
Dimensi Pendidikan	/
Dimensi Ekonomi	/

Melalui watak Ibu yang diketengahkan oleh pengarang, keempat-empat Dimensi Kepimpinan telah diaplikasikan sepenuhnya oleh watak ibu di dalam plot penceritaan sebagaimana watak dan perwatakan yang cuba ditonjolkan oleh pengarang kepada para pembaca. Dimensi Pentadbiran dapat jelas dilihat melalui watak Ibu apabila sosok watak ini memikul tanggungjawab pemimpin dalam keluarga kecil mereka setelah kematian suami dan memikul tanggungjawab sebagai majikan dalam perusahaan jahitan yang dibina. Dua aspek ini telah menyerlahkan sifat kepimpinan di dalam diri watak yang sangat jelas dan tinggi nilai pengajarannya terhadap pembaca. Selaku ibu dan juga ayah kepada puteri dan putera setelah kematian suami, Ibu menggalas tanggungjawab sepenuhnya bagi menyara kehidupan mereka sekeluarga dengan mengambil upah menjahit baju.

Sebagaimana yang telah diringkaskan Jadual 1, dimensi pertama yang menonjolkan aspek kepimpinan sebagaimana yang telah digagaskan oleh Pendekatan Pengurusan adalah Dimensi Pentadbiran telah dikesan dimiliki oleh watak Ibu. Pentadbiran yang dimaksudkan dalam penelitian ini adalah pentadbiran dalam sistem kekeluargaan dan sistem organisasi dalam persatuan politik yang telah diketengahkan oleh pengarang. Sebagaimana yang diketahui, watak ibu adalah merupakan seorang ibu tunggal yang telah kematian suami dan harus membesarkan sepasang cahaya mata yang masih belum dewasa. Keperitan untuk menggalas tanggungjawab sebagai ibu dalam masa yang sama juga menggalas peranan sebagai seorang bapa, kepimpinan watak ibu amat terserlah kerana perlu menjadi ketua keluarga. Segala keputusan dan pertimbangan dalam kehidupan yang membabitkan masa depan keluarga kecil mereka haruslah digalas sepenuhnya oleh ibu, sedangkan hakikatnya tanggungjawab tersebut haruslah dipikul oleh seorang suami atau bapa. Watak Ibu telah digambarkan oleh pengarang sebagai pemimpin yang mempunyai jati diri, bijaksana, berwawasan dan berkarisma.

Selain itu tidak hanya dalam institusi kekeluargaan, tetapi juga dapat dilihat dengan jelas kepimpinan melalui dimensi pentadbiran ini adalah melalui penglibatan ibu secara aktif di dalam persatuan politik. Oleh kerana komitmen yang tinggi dan berwawasan, ibu telah dicalonkan untuk menjawat jawatan yang tertinggi di dalam persatuan, tetapi ibu menolak dengan sebaiknya kerana memikirkan dia harus lebih menumpukan untuk membesarkan kedua-dua anaknya. Semangat perjuangan tinggi yang dimiliki ibu sememangnya tidak dapat dinafikan. Ibu sangat amanah dalam menjalankan tugas dan memastikan perjuangan parti dapat diteruskan dan terlaksana. Walaupun telah

dicalonkan beberapa kali dan dipersetujui oleh pengurusan tertinggi, tetapi ibu tidak sesekali mengambil kesempatan di atas kepercayaan. Walaupun ibu tidak menerima jawatan tersebut dan menyandang jawatan biasa sahaja, tetapi komitmen yang diberikan adalah masih sama malahan semakin tinggi. Bagi membuktikan hal ini secara terperinci, beberapa kutipan daripada novel Ibuku Srikandi diringkaskan melalui jadual berikut;

Jadual 2: Kepimpinan Melalui Dimensi Pentadbiran dalam Watak Ibu.

Dimensi	Kutipan	Muka Surat
Pentadbiran	"……Ibu kemudian buka kedai roti, biskut, dan kuih-muih bersama para pemudi dan wanita kampong kita. Ibu seterusnya buka jalan untuk mereka menjadi pengusaha kerepek. Semua usaha Ibu mendapat pengiktirafan kerajaan sampai Ibu diangkat sebagai Tokoh Belia Negara." Ibu memberikan makluman tentang kejayaannya kepada mereka berdua.	Bab1MS12
Pentadbiran	Bukan itu saja. Dulu, kamu juga yang membuka peluang kepada pemuda pemudi kampung kita ini untuk menyambung perniagaan katering yang kamu pelopori. Kedai roti, biskut, dan kuih-muih yang diusahakan mereka sekaranf kamu juga yang memulakannya. Perusahaan kerepek kamu juga yang mencetuskannya!". Jelas Tuan Haji Munir.	Bab3MS36
Pentadbiran	……Semua itu nanti, berserta dengan sifat ikhlas kamu yang tak ada tolok bandingnya itu, akan dapat kamu salurkan kepada mereka! Kamu akan menjadi mentor kepada mereka. Oleh sebab itulah aku telah pun berbincang dengan Ketua Bahagian kita untuk menghantar kamu belajar!" ujar Tuan Haji Munir.	Bab3MS36

Novel *Ibuku Srikandi* karya Muhd Mansur Abdullah mengangkat figura seorang ibu sebagai simbol kekuatan, keikhlasan, dan kepimpinan berteraskan nilai kemanusiaan. Ibu dalam karya ini tidak sekadar digambarkan sebagai penjaga rumah tangga, tetapi sebagai seorang pemimpin sosial yang menggerakkan semangat, kasih sayang, dan nilai tanggungjawab dalam komuniti kecil sekelilingnya. Watak ini menzahirkan konsep kepimpinan dari perspektif moral dan emosi, yang menjangkaui batas kuasa formal. Melalui konteks ini, kepimpinan ibu mencerminkan satu dimensi sosial yang berpaksikan tanggungjawab terhadap kesejahteraan manusia lain iaitu suatu nilai yang sering kali terpinggir dalam wacana kepimpinan moden yang berorientasikan prestasi dan kedudukan. Meneliti melalui sudut teori, kepimpinan ibu dapat dikaitkan secara langsung dengan konsep kepimpinan khidmat *(servant leadership)* yang diperkenalkan oleh Robert K. Greenleaf (1977). Menurut teori ini, pemimpin yang berkesan ialah mereka yang menumpukan perhatian terhadap keperluan orang lain sebelum kepentingan diri. Watak ibu dalam novel ini memperlihatkan keperibadian tersebut melalui tindakannya yang sentiasa mendahulukan kesejahteraan anak-anak dan masyarakat. Beliau memimpin dengan kelembutan dan empati, bukan dengan kekuasaan atau paksaan. Sikapnya yang sabar dan tabah dalam menghadapi kesempitan hidup menjadikannya sumber inspirasi kepada watak-watak lain.

Watak ibu juga memperlihatkan ciri kepimpinan beretika *(ethical leadership).* Dalam menghadapi pelbagai cabaran sosial, ibu tidak pernah mengabaikan prinsip kejujuran, tanggungjawab, dan keadilan. Beliau tidak mementingkan diri, sebaliknya menzahirkan kesedaran bahawa seorang pemimpin bertanggungjawab bukan sahaja terhadap ahli keluarga, tetapi juga terhadap kesejahteraan sosial yang lebih luas. Tindakan ibu menolong jiran yang dalam kesusahan, atau menasihati anak-anak agar hidup dengan jujur walaupun miskin, memperlihatkan kesedaran moral yang mendalam. Nilai ini sejajar dengan pandangan Islam bahawa kepimpinan ialah amanah (amanah kepimpinan) dan seorang pemimpin akan dipertanggungjawabkan atas kebajikan dan keadilan yang ditunaikan terhadap orang di bawah tanggungannya. Hal ini membuktikan bahawa seorang ibu menjadi lambang kepimpinan beretika yang mengimbangi perasaan dengan prinsip dan kasih sayang dengan keadilan.

Di samping itu, ibu dalam *Ibuku Srikandi* memperlihatkan unsur kepimpinan transformasional *(transformational leadership)* seperti yang dihuraikan oleh James MacGregor Burns (1978). Pemimpin transformasional mampu mengubah cara berfikir dan bertindak pengikutnya melalui visi dan nilai yang luhur. Ibu bukan sekadar menjaga anak-anaknya secara fizikal, tetapi mentransformasikan mereka secara rohani dan moral. Beliau menanamkan nilai-nilai kesabaran, kejujuran dan kerja keras hingga anak-anaknya mampu menjadi insan berguna dalam masyarakat. Konteks ini ialah agen perubahan yang menginspirasikan kebangkitan moral dan sosial sebagai satu bentuk kepimpinan yang menggerakkan komuniti melalui kekuatan kasih dan keteladanan.

Selain daripada dimensi teori kepimpinan, kekuatan novel ini juga terserlah melalui simbolisme dan gaya bahasa yang memperkukuh citra kepimpinan ibu. Simbol "rumah" misalnya, berfungsi sebagai metafora kepada ruang kepimpinan dan perlindungan sosial. Rumah yang sering digambarkan sebagai "hangat tetapi sederhana" melambangkan keseimbangan antara kesusahan hidup dan ketenangan hati yang diusahakan oleh ibu. Gaya bahasa penulis yang lembut, penuh perasaan dan disulam dengan citra keibuan turut membangkitkan aura kepimpinan yang berpaksikan empati seolah-olah mengajak pembaca menilai semula makna kepimpinan daripada sudut kemanusiaan. Bagi aspek wacana sosial, tanggungjawab ibu juga mencerminkan dimensi kepimpinan komuniti yang menegakkan semangat gotong-royong dan solidariti sosial. Ketika dunia yang digambarkan semakin individualistik, ibu menjadi benteng nilai tradisi dan kemanusiaan. Beliau bukan sekadar mendidik anak-anaknya tetapi turut menegur dan membimbing masyarakat sekitar agar hidup dengan nilai ihsan dan tanggungjawab sosial. Melalui sikapnya, penulis menyampaikan mesej bahawa kepimpinan sosial bermula dari rumah dan nilai kemanusiaan tumbuh daripada kasih seorang ibu yang berjiwa pemimpin. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, dapatan diringkaskan melalui jadual di bawah;

Jadual 3: Kepimpinan Melalui Tanggungjawab Sosial Dalam Watak Ibu.

Dimensi	Kutipan	Muka Surat
Tanggungjawab Sosial	Ibu sangat bijak memperuntukkan masa untuk menyiapkan sesuatu jenis pakaian. Beliau juga bijak mengesan kelebihan rakan-rakan tukang jahitnya. Tukang jahit yang cekatan menyiapkan pakaian seragam, misalnya, kepada merekalah Ibu menyerahkan pakaian itu, dan begitulah seterusnya.	Bab2MS21-22
Tanggungjawab Sosial	"Ahli-ahli Pergerakan Wanita Cawangan dan bahagian memang mengidolakan Slamah. Sebabnya, kebanyakan daripada mereka, khususnya kaum wanita di Cawangan, memperoleh pendapatan tambahan melalui beliau. Mereka mengambil upah jahit-menjahit atas daya usahayang dilakukan Salmah…."	Bab7MS105
Tanggungjawab Sosial	Daripada maklumat yang diperoleh ibu, salah seorang ahli rombongan ke Langkawi itu ialah Bakar Loyar Buruk. Ibu yakin, beliaulah yang menjadi perancang utamanya. Maklumat itu membawa ibu membayangkan ilusi yang menyeronokkan. Ibu merasakan Bakar Loyar Buruklah yang banyak bercakap. Beliaulah yang Menyusun strategi itu manakalah kontraktor muda itu sekadar menjadi tukang dengar…	Bab16MS239

Kesimpulannya, watak ibu dalam Ibuku Srikandi merupakan simbol kepimpinan sosial yang berasaskan tanggungjawab, kasih sayang, dan nilai moral. Watak ini menggabungkan elemen *servant leadership* yang menekankan khidmat kepada orang lain, *ethical leadership* yang menegakkan prinsip moral dan Amanah serta *transformational leadership* yang mengubah kehidupan dan pemikiran orang sekeliling. Melalui kekuatan simbolisme dan gaya bahasa yang bernuansa lembut namun tegas, Muhd Mansur Abdullah bukan sekadar menulis kisah perjuangan seorang wanita tetapi merakam makna

ISBN:2637-126X

kepimpinan dari sudut yang paling tulen iaitu kepimpinan yang lahir daripada hati, yang berkhidmat demi kebajikan sesama manusia. Novel ini dengan demikian menawarkan wacana kepimpinan alternatif yang berpaksikan nilai sosial dan kemanusiaan, menjadikan *Ibuku Srikandi* bukan sahaja karya sastera tetapi juga cerminan falsafah kepimpinan yang relevan sepanjang zaman.

Dimensi seterusnya adalah melalui Dimensi Pendidikan. Novel *Ibuku Srikandi* karya Muhd Mansur Abdullah menonjolkan watak ibu sebagai lambang kekuatan, kebijaksanaan, dan kepimpinan yang luhur. Watak ini bukan sahaja memainkan peranan penting sebagai tonggak keluarga, tetapi juga berfungsi sebagai pendidik dan pembimbing moral kepada anak-anak serta masyarakat sekeliling. Muhammad Naquib al-Attas (1980), yang menegaskan bahawa pendidikan sejati ialah proses "penyampaian adab" atau *ta'dib*, bukan sekadar pengajaran maklumat. Ibu menjadi cerminan seorang pemimpin Pendidikan yang mendidik bukan melalui kuasa tetapi melalui kasih, hikmah, dan nilai kemanusiaan. Kepimpinan yang lahir daripada sosok ibu memperlihatkan bahawa pendidikan bukan sekadar proses pemindahan ilmu tetapi satu tanggungjawab sosial dan spiritual yang membentuk insan beradab sebagaimana ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bertujuan melahirkan insan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Watak ibu dalam *Ibuku Srikandi* menonjolkan kepimpinan pendidikan yang berasaskan nilai (*value-based leadership*). Beliau mendidik anak-anak dengan menanamkan prinsip moral, tanggungjawab dan kasih saying selaras dengan gagasan pendidikan berteraskan nilai murni dalam tradisi Melayu-Islam. Pendidikan yang dijalankan oleh ibu bersifat holistik iaitu tidak hanya menekankan pencapaian akademik tetapi juga pembentukan akhlak dan jati diri.

Sifat kepimpinan ibu jelas melalui ketegasan yang lembut, keprihatinan terhadap emosi anak-anak dan keupayaan membimbing dengan contoh. Beliau mengamalkan pendekatan kepimpinan melalui teladan (*leadership by example).* Sikapnya yang rajin, jujur dan penyabar menjadi cermin pendidikan moral yang diamalkan. Tindakan-tindakan kecil seperti mengajak anak bersolat berjemaah, belajar bersungguh-sungguh, menasihati dengan lemah lembut dan menghargai usaha anak-anak memperlihatkan kepimpinan pendidikan yang menggabungkan disiplin dan kasih saying merupakan satu bentuk kepimpinan yang amat diperlukan dalam konteks pembinaan sahsiah generasi muda masa kini. Watak ibu dapat dikaitkan dengan konsep kepimpinan transformasional seperti yang diperkenalkan oleh James MacGregor Burns (1978). Pemimpin transformasional bukan sekadar mengurus, tetapi mengubah minda dan sikap pengikutnya melalui inspirasi dan nilai moral yang tinggi. Sebagaimana penceritaan yang diketngahkan pengarang di dalam novel ini, ibu berperanan mentransformasikan kehidupan anak-anaknya daripada keadaan kesempitan dan keputusasaan kepada kehidupan yang bermaruah dan berilmu. Didikannya menanamkan kepercayaan bahawa pendidikan ialah kunci perubahan sosial dan maruah keluarga. Beliau tidak memaksa sebaliknya memberi motivasi yang membangkitkan kesedaran dalaman anak-anak.

Kepimpinan ibu juga memperlihatkan unsur pedagogi berasaskan kasih (*pedagogical caring leadership*). Beliau memahami bahawa pembelajaran yang berkesan bermula daripada hubungan emosional yang sihat antara pendidik dan didik. Ibu sentiasa mendekati anak-anaknya dengan kasih sayang, mendengar luahan mereka, dan membimbing tanpa menghukum secara terburu-buru. Pendekatan ini sejajar dengan teori pembelajaran konstruktivisme yang menekankan bahawa pelajar membina makna sendiri melalui pengalaman dan refleksi. Sikap ibu yang sabar, memahami, dan menghormati keperibadian anak-anak menunjukkan kepekaan pedagogi yang tinggi. Beliau mengajar bahawa setiap insan belajar mengikut pengalaman dan kemampuan masing-masing. Didikan yang berasaskan empati ini bukan sahaja membentuk keperibadian anak-anak, malah mencipta suasana pembelajaran yang penuh kasih dan hormat merupakan asas penting kepada pembangunan insan holistik yang diimpikan dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Melalui perspektif Islam, watak ibu dalam *Ibuku Srikandi* mencerminkan konsep kepimpinan berasaskan tarbiah. Mengikut sudsut pandang agama Islam, tarbiah bermaksud proses mendidik manusia secara beransur-ansur agar menjadi hamba Allah yang berilmu, beriman, dan berakhlak mulia. Watak Ibu dalam novel ini bukan sekadar mendidik anak-anaknya untuk berjaya di dunia, tetapi juga menanamkan nilai ketakwaan dan kesyukuran kepada Allah. Beliau menekankan bahawa ilmu perlu dimanfaatkan untuk kebaikan manusia dan tidak boleh disalah guna. Sikap ibu yang sentiasa berdoa, mengajar anak-anak membaca al-Quran, dan mengaitkan setiap ujian hidup dengan hikmah Ilahi menunjukkan bahawa kepimpinan pendidik dalam Islam bermula daripada hati yang

bertauhid. Pendekatan ini menepati prinsip khalifah dan amanah dalam Islam dengan meggambarkan watak pemimpin sebagai pendidik yang bertanggungjawab membina manusia melalui ilmu dan akhlak. Watak ibu juga merupakan seorang yang gigih mencari ilmu untuk mempertingkatkan kemahiran dalam bidang jahitan. Ibu bijak mengambil peluang untuk meningkatkan kemahiran apabila bersetuju mengikuti kursus jahitan dan tidak kekok untuk berkongsi ilmu kemahiran yang baru diperolehi kepada kawan-kawannya yang turut mengambil upah menjahit baju. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, dapatan bagi kepimpinan melalui dimensi Pendidikan diringkaskan melalui Jadual 4;

Jadual 4*:* Kepimpinan Melalui Dimensi Pendidikan Dalam Watak Ibu.

Dimensi	Kutipan	Muka Surat
Pendidikan	Sudah dipertimbangkan oleh Ibu dari segala aspek. Baik dan buruknya, untung dan ruginya kalua beliau mengikuti Kursus Lanjutan Intensif dalam Teknologi Tekstil dan Rekaan Fesyen itu. Daripada menolaknya pada awal dahulu, kursus itu sekarang sudah menjadi cita-citanya…	Bab5MS55
Pendidikan	"Ibu nak kalian penuhi nasihat arwah Ayah kalian dulu-bebaskan pemikiran dan buka minda bangs akita. Mesti berpandangan jauh! Untuk menghakikatnya, mulakan dengan diri sendiri dulu. Kikis dan buang jauh-jauh sikap meminta-minta. Jangan kedekut ilmu. Kongsikan dengan semua orang. Jangan nak pandai seorang diri. Nak Berjaya sendiri-sendiri…."	Bab11MS153
Pendidikan	"Jaka tau tak? Inilah juga yang dimahukan oleh arwah ayah Jaka! Arwah ayah Jaka sangat menginginkan Jaka diterima masuk ke MRSM! Dia ingin Jaka mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM sampai Jaka Berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara," jelas Ibu.	Bab21MS313

Secara keseluruhan, watak ibu dalam *Ibuku Srikandi* memperlihatkan dimensi kepimpinan pendidikan yang luar biasa iaitu gabungan antara kepimpinan transformasional, empatik, berasaskan nilai, dan berteraskan tauhid. Beliau menjadi pelaksana falsafah pendidikan dalam bentuk paling manusiawi apabila mendidik dengan hati. Berdasarkan konteks kepimpinan sosial, ibu membuktikan bahawa pemimpin sejati bukan hanya mereka yang berada di tampuk kuasa, tetapi juga mereka yang membina manusia dalam senyap melalui kasih dan pengorbanan. Beliau membina peribadi anak-anak dengan prinsip bahawa pendidikan ialah jihad membentuk manusia berakhlak. Novel ini akhirnya menyampaikan mesej bahawa wanita sebagai ibu ialah arkitek pertama tamadun dan kepimpinan mereka dalam pendidikan keluarga ialah asas bagi pembentukan masyarakat berilmu dan beradab. Tuntasnya, *Ibuku Srikandi* bukan sekadar karya tentang kasih seorang ibu tetapi juga refleksi falsafah tentang kepimpinan pendidikan yang berpaksikan nilai kemanusiaan dan ketuhanan. Watak ibu menjadi contoh pemimpin sejati pemimpin yang mendidik dengan jiwa, memimpin dengan kasih dan membentuk generasi dengan hikmah.

Dimensi terakhir yang ditekankan dalam Prinsip Kepimpinan melalui Pendekatan Pengurusan Sastera adalah Dimensi Ekonomi. Novel *Ibuku Srikandi* karya Muhd Mansur Abdullah mengetengahkan kisah perjuangan seorang ibu yang berdepan pelbagai cabaran hidup dalam membesarkan anak-anaknya. Watak ibu bukan sekadar simbol kasih dan pengorbanan, tetapi juga lambang keteguhan ekonomi wanita dalam masyarakat Melayu tradisional. Melalui pengisahan yang jujur dan menyentuh hati, pengarang menampilkan ibu sebagai agen ekonomi keluarga yang berperanan besar dalam menjamin kelangsungan hidup, mendidik anak-anak agar berdikari serta memperlihatkan kebijaksanaan dalam mengurus sumber yang terhad. Analisis ini menumpukan kepada dimensi ekonomi dalam kepimpinan ibu iaitu bagaimana ibu menggunakan kecekapan, kebijaksanaan dan daya tahan (*resilience*) untuk menstabilkan keadaan ekonomi keluarganya serta menyemai nilai ekonomi yang beretika kepada anak-anak.

Watak ibu dalam novel ini digambarkan sebagai individu yang tidak mudah menyerah kepada kemiskinan. Beliau menjadi tulang belakang ekonomi keluarga setelah kehilangan sokongan seorang suami (suami telah meninggal dunia). Walaupun keadaan serba kekurangan, ibu sanggup melakukan pelbagai kerja demi memastikan anak-anaknya tidak kebuluran dan tetap mendapat pendidikan. Antara gambaran yang jelas ialah ibu bijak menggunakan Kemahiran menjahit untuk mengambil upah menjahit baju daripada Kedai Jahit Ah Cheng. Ini memperlihatkan nilai kerja keras dan kecekalan ekonomi seorang wanita yang berjiwa pemimpin. Ibu telah bergelar balu pada usia yang sangat muda iaitu 27 tahun, namun ini tidak sesekali mematahkan semangat yang dimiliki. Oleh kerana telah terbiasa untuk berdikari walaupun ketika itu masih mempunyai suami, watak ibu digambarkan pengarang sebagai seorang isteri yang sibuk mencari rezeki untuk membantu suaminya. Ibu tidak sesekali boros berbelanja dan sangat hemat dalam menguruskan wang. Tindakan ibu tersebut memperlihatkan nilai autonomi ekonomi iaitu keupayaan wanita mengurus dan menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada orang lain. Dalam konteks teori kepimpinan ekonomi keluarga (Becker, 1981), ibu memenuhi ciri *household manager* yang berfungsi sebagai pengurus sumber, penyelaras keperluan dan perancang masa depan keluarga. Beliau bukan sekadar mencari rezeki, tetapi juga memastikan setiap sen dibelanjakan dengan berhemat. Sikap berjimat cermat, menolak pembaziran dan mendahulukan keperluan pendidikan anak-anak menunjukkan kecekapan ekonomi yang berpaksikan nilai moral dan tanggungjawab.

Salah satu aspek penting dalam perwatakan ibu ialah sifat keusahawanan (*entrepreneurial spirit*). Walaupun hidup dalam kekangan, beliau berusaha mencari peluang untuk menambah pendapatan. Sifat ini menunjukkan bahawa ibu mempunyai ciri pemimpin ekonomi yang kreatif dan inovatif. Ketekunan ibu dalam berusaha bukan semata-mata untuk keuntungan, tetapi sebagai bentuk perjuangan moral. Bagi ibu, bekerja keras ialah ibadah dan tanda kasih terhadap keluarga. Prinsip ini selari dengan konsep kerja sebagai ibadah dalam Islam, yang menekankan keseimbangan antara keperluan duniawi dan ganjaran ukhrawi. Melalui konteks ini, ibu bukan sekadar pelaku ekonomi tetapi juga pemimpin spiritual yang menanamkan nilai integriti dalam urusan rezeki. Beliau menolak rezeki haram, mengutamakan hasil tangan sendiri dan mengajar anak-anak menghargai titik peluh orang tua mereka. Selain itu, ketabahan ibu menghadapi kesusahan hidup memperlihatkan konsep *resilience economy* iaitu keupayaan bertahan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Meskipun hasil pendapatan kecil dan sering kekurangan, ibu tidak menjadikan kemiskinan alasan untuk berputus asa. Beliau bijak mengurus emosi dan keperluan menyesuaikan gaya hidup dengan kemampuan serta tidak pernah mengeluh di hadapan anak-anak.

Dimensi ekonomi dalam watak ibu juga terserlah melalui pendekatan pendidikan beliau terhadap anak-anak. Ibu tidak hanya mengurus kewangan tetapi turut mendidik anak-anak memahami nilai wang, kerja keras dan pengorbanan. Beliau menasihati agar anak-anak tidak boros, belajar bersyukur serta menghormati rezeki. Pendekatan ibu ini sejajar dengan prinsip pendidikan ekonomi berasaskan nilai (*value-based economic education)* yang menekankan pembentukan sikap positif terhadap kerja, rezeki dan pengurusan kewangan (Noddings, 2013). Beliau tidak mengajar melalui teori tetapi melalui contoh hidup. Anak-anak belajar erti ekonomi bukan dari bilik darjah tetapi daripada kesusahan yang dikongsi bersama ibu mereka. Justeru itu, ibu bukan sekadar pengurus ekonomi tetapi juga pendidik ekonomi keluarga yang membentuk generasi celik kewangan dan beretika. Melalui sudut lain pula, ibu juga memperlihatkan kesedaran kelas sosial. Walaupun hidup dalam kesederhanaan, beliau menanamkan sikap tidak cemburu terhadap golongan kaya sebaliknya mengajak anak-anak bekerja keras untuk memperbaiki nasib sendiri. Nilai ini memperlihatkan bahawa ibu memahami dinamika kelas ekonomi tetapi memilih pendekatan positif dengan mengubah keadaan melalui ilmu dan usaha bukan iri hati atau putus asa. Hal ini mengukuhkan peranan ibu sebagai pemimpin yang bijak mengimbangi realiti ekonomi dengan nilai moral dan spiritual. Sikap-sikap yang digambarkan pengarang melalui watak Ibu ini jelas menggambarkan kepimpinan melalui dimensi ekonomi. Hal ini diringkaskan melalui Jadual 5;

Jadual 5: Kepimpinan Melalui Dimensi Ekonomi Dalam Watak Ibu.

Dimensi	Kutipan	Muka Surat
Ekonomi	Kemahiran Ibu menjahit pakaian menyebabkan beliau sentiasa sibuk. Walaupun Ayah bekerjaya tetap sebagai posmen, ibu tidak berpeluk tubuh. Beliau memanfaatkan kemahiran yang dimilikinya dengan mengambil tempahan menjahir pakaian, kebanyakannya daripada kedai jahir di bandar yang sangat menyukai kualiti jahitannya.	Bab1MS4
Ekonomi	"….Itulah pengorbanan. Dan, pengorbanan Nabi Ibrahim itu? Itulah yang kita saksikan sekarang-Makkah menjadi pusat tumpuan umat Islam dari seluruh dunia!" Demikian Ibu menyedarkan kami, memotivasikan kami sampai Jaka sendiri terpesona, Insaf, dan mengubah persepsinya!	Bab8MS114
Ekonomi	Selain itu, Ibu juga berharap agar para penceramah itu nanti memberikan penerangan dan khidmat nasihat tentang usaha-usaha untuk meluaskan projek-projek sedia ada serta menamakan syarikat-syarikat luar negara yang ingin bekerjasama dengan mereka dalam bidang pengedaran dan pemasaran.	Bab18MS260-261

Keseluruhannya, watak Ibu dalam *Ibuku Srikandi* bukan hanya simbol kasih sayang seorang wanita, tetapi juga manifestasi kepimpinan ekonomi berjiwa insan. Beliau berperanan sebagai pengurus sumber, pendidik nilai ekonomi dan pelindung kesejahteraan keluarga. Ketika dalam kesusahan, ibu mengubah keterbatasan menjadi kekuatan, dalam kekurangan pula beliau menemukan keberkatan. Keberanian, kebijaksanaan dan ketabahan ibu menjadikan beliau model pemimpin ekonomi yang beretika dan manusiawi. Melalui watak ibu, Muhd Mansur Abdullah menyampaikan mesej bahawa ekonomi tidak hanya diukur melalui kekayaan material tetapi juga melalui nilai kemanusiaan, integriti dan kasih sayang yang mengiringinya. Ibu menjadi lambang wanita yang memimpin bukan dengan harta, tetapi dengan hikmah dan pengorbanan. Beliau membuktikan bahawa ekonomi keluarga bukan urusan angka tetapi perjuangan moral dan spiritual dan di sinilah letaknya kehebatan sebenar seorang Srikandi.

RUMUSAN

Watak Ibu dalam *Ibuku Srikandi* merupakan personifikasi kepimpinan berteraskan nilai kemanusiaan, etika, dan tanggungjawab sosial sebagaimana yang diangkat dalam prinsip kepimpinan dalam pendekatan pengurusan sastera. Sebagai tokoh utama, beliau bukan sekadar digambarkan sebagai seorang wanita tabah yang memimpin keluarganya tetapi juga sebagai lambang keutuhan prinsip kepimpinan yang menyeluruh dan seimbang. Melalui dimensi pentadbiran, tanggungjawab sosial, pendidikan dan ekonomi, watak ini memperlihatkan bagaimana kepimpinan dalam konteks sastera bukanlah bersifat autoritatif atau berasaskan kuasa formal semata-mata tetapi lebih kepada kepimpinan insaniah iaitu satu bentuk kepimpinan yang berakar daripada nilai moral, kasih sayang dan keprihatinan terhadap kesejahteraan bersama. Melalui sudut pentadbiran, ibu berperanan sebagai pengurus kehidupan yang cekap, mampu mengatur keluarga dalam keadaan serba kekurangan dengan penuh disiplin dan kebijaksanaan. Beliau mengurus sumber, masa dan emosi secara seimbang telah mencerminkan prinsip pengurusan berasaskan rasional dan empati. Kepimpinan beliau menepati ciri pengurusan efektif dalam sastera iaitu keupayaan mengurus manusia dengan keinsafan terhadap nilai kemanusiaan.

Bagi tanggungjawab sosial, ibu menunjukkan kesedaran tinggi terhadap kesejahteraan masyarakat. Beliau tidak hanya berperanan dalam lingkungan keluarga tetapi turut membantu jiran dan komuniti, selaras dengan konsep kepimpinan berasaskan nilai (*value-based leadership).*

Sebagaimana konteks pengurusan sastera, hal ini menandakan bahawa kepimpinan sejati tidak terhad kepada struktur organisasi tetapi mencakupi rasa tanggungjawab untuk memperbaiki persekitaran sosial dan membentuk jaringan kemanusiaan. Sementara itu, melalui dimensi pendidikan, ibu mempamerkan ciri pemimpin yang berorientasikan pembangunan insan. Beliau membimbing anak-anaknya dengan teladan bukan paksaan, dengan hikmah, bukan kemarahan. Didikannya menjurus kepada pembinaan karakter, nilai, dan daya juang sejajar dengan prinsip kepimpinan transformasional dalam pendidikan yang menekankan inspirasi, bimbingan moral dan pembentukan keperibadian unggul. Beliau menjadi guru kehidupan yang mengasuh bukan hanya melalui kata tetapi melalui amal dan contoh.

Akhir sekali, dalam dimensi ekonomi, ibu memperlihatkan daya tahan dan kebijaksanaan dalam mengurus sumber terhad bagi menjamin kelangsungan hidup keluarganya. Beliau menzahirkan kepimpinan berasaskan daya juang (*resilient leadership*) iaitu keupayaan menghadapi cabaran ekonomi tanpa mengorbankan maruah dan nilai diri. Pengurusan ekonomi yang dilakukan dengan teliti dan berstrategi ini memperlihatkan prinsip asas dalam pengurusan sastera iaitu kecekapan, kesedaran nilai dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Keseluruhannya, watak ibu dalam *Ibuku Srikandi* merupakan model kepimpinan holistik yang menggabungkan empat dimensi utama prinsip kepimpinan dalam pengurusan sastera. Beliau mencerminkan pemimpin yang bukan hanya bijak mentadbir tetapi juga berjiwa sosial, berperanan mendidik dan berkeupayaan menyeimbangkan keperluan ekonomi dengan nilai moral. Kepimpinan beliau membuktikan bahawa sastera mampu berfungsi sebagai medium pendidikan kepimpinan insaniah dengan membentuk manusia yang bukan sahaja cekap mengurus tetapi juga luhur dalam budi dan adil dalam tindakan. Maka, Ibu sebagai Srikandi adalah lambang kepimpinan sejati yang mengangkat maruah insan melalui pengorbanan, kasih, dan hikmah.

RUJUKAN

Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). *Pengurusan Dalam Islam.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Attas, S. M. N. (1980). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. ABIM.

Beden, Sara & Jabatan, Beden & Melayu, Pengajian. (2022). Kepemimpin Melayu dalam Prosa Tradisional dari Perspektif Prinsip Kepimpinan Pendekatan Pengurusan. 41. 34-51 ISSN 2075.

Bezzina, M. (2012). *Moral Purpose and Educational Leadership: Exploring the Foundations*. Springer.

Burns, J. M. (1978). *Leadership*. Harper & Row.

Certo, S.C. (1997). *Modern Management.* 7th ed. Prentice-Halll, Inc.

Chandri Singh dan Aditi Khatri. (2016). *Principles And Practices of Management and Organizational Behaviour.* SAGE Publications India Pvt Ltd.

Daft, R.L. (1997). *Management.* 4th Ed. The Dryden Press.

Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Wahid & Abdul Halim Ali. (2021). Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 33 - 48. http:// rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/141

Fiedler, F.E. (1967). *A Theoryof Leadership Effectiveness*. Mc Graw-Hill.

Fiedler. F.E. (1964). *A Contingency Model of Leadership Effectiveness. Advances in Experimental Social Psychology*, 42(5):115-122.

Goleman, D. (2006). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. Bantam Books.

Greenleaf, R. K. (1977). *Servant Leadership: A Journey into the Nature of Legitimate Power and Greatness.* Paulist Press.

Jaafar Muhamad. (1992). *Asas pengurusan.* Selangor: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013). Pendekatan Pengurusan: Satu Metode Dalam Kritikan Sastera. *Prosiding* Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia Kedua Universiti Perguruan Sultan Idris, 4-5 Oktober, 2013.

Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan. (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Dlm *Journal of Business and Social Development,* Volume 5 Number 1, March 2017: 123-139.

Mohamad Zubir Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu,* Jilid 26, 2015, hlm 95-116.

Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul. (2003). *Pengurusan Organisasi.* Edisi Kedua. McGraw Hill Sdn. Bhd.

Morris, P. (2005). Religion And Identity: The New Zealand Spirit. Dlm Asmah Haji Omar dan Paul Morris. (2005). *Religion and Identity*, hlm. 1-19. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Muhd Mansur Abdullah. (2023). *Ibuku Srinkandi*. Kuantan: Dewan Persuratan Melayu Pahang.

Noddings, N. (2013). *Caring: A Relational Approach to Ethics and Moral Education*. University of California Press.

Northouse, P. G. (2021). *Leadership: Theory and Practice* (9th ed.). Sage Publications.

Robbins, S. P. dan Decenzo, D. A. (2001). *Fundamentals of Management*. 3rd Ed. Prentice Hall International.

Saravanan P. Veeramuthu. (2019). Kepemimpinan dalam novel perang sangkil: Satu bacaan pendekatan pengurusan. *Asian People Journal (APJ)*, *2*(1), 169-182. https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/45

Shanthi Subramaniam dan Mah B.K. (2016). *Pra-U Teks STPM Pengajian Perniagaan (Pengurusan*). Selangor; Penerbitan Pelangi Sdn Bhd.

Siti Hajar Abdul Aziz. (2016). Kepimpinan wanita dalam karya sastera Melayu moden: Satu analisis feminis. *Jurnal Pengajian Melayu*, 27(2), 45–60.

Tannenbaum, Robert (1958). *Hoe To Choose A Leadership Pattern.* Harvad Business Review.

Yulk, G. 1998. *Leadership in Organizations (4th Edition).* Prentice Hall International.

Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Mohd Hanafi Ibrahim. (2018). Watak wanita dan pembentukan nilai dalam novel Melayu kontemporari`. *Jurnal Melayu*, 17(1), 77–95.